

SULIT



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN  
KOD KURSUS : BBP 20202  
KOD PROGRAM : BBB/BBC/BBE/BBF/BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2015  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN  
SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

**SULIT**

- S1** a) Senaraikan tiga (3) era dalam sejarah perkembangan pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia. (3 markah)
- b) Nyata dan terangkan lima (5) organisasi yang terlibat secara terus dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia. (10 markah)
- c) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dikuatkuasakan bertujuan untuk memupuk dan menggalakkan kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di kalangan pekerja, majikan dan orang disekelilingnya. Huraikan dengan jelas prinsip-prinsip utama yang diambil kira sebagai peruntukan utama dalam penggubalan Akta 514 ini. (12 markah)
- S2** a) Apakah yang dimaksudkan dengan HAZAD , RISIKO dan BAHAYA. (3 markah)
- b) Nyatakan dan terangkan lima (5) kaedah bagi mengenalpasti hazard. (10 markah)
- c) Lukis dan huraikan dengan jelas proses aliran bagi pelaksanaan satu (1) contoh aktiviti HIRARC. (12 markah)
- S3** a) Nyatakan tiga (3) jenis kecederaan parah menurut pengertian cedera parah di bawah seksyen 320 Kanun Keseksaan. (3 markah)
- b) Nyata dan terangkan lima (5) jenis sifat bahaya bahan kimia. (10 markah)
- c) Huraikan faktor-faktor berlakunya kecederaan di tempat pembinaan dan kaedah kawalan bagi mengelakkan kemalangan dan kecederaan daripada berlaku. (12 markah)

**SULIT**

- S4** a) Berikan definisi hazad biologi dan sertakan dua (2) agen jangkitan hazad tersebut.  
(3 markah)
- b) Tekanan pekerjaan adalah salah satu daripada jenis penyakit kesihatan yang dikenalpasti. Nyatakan jenis-jenis tekanan yang ada dalam pekerjaan dan terangkan kaedah pencegahan dan kawalan penyakit ini.  
(10 markah)
- c) Adalah menjadi kewajipan bagi setiap organisasi yang mengendalikan bahan kimia mempunyai *Material Safety Data Sheet* (MSDS) bagi setiap bahan kimia yang digunakan. Huraikan dengan jelas apakah maksud, fungsi dan isi kandungan dokumen MSDS.  
(12 markah)
- S5** a) Nyatakan tiga (3) jenis teori berkaitan punca dan penyebab berlaku kemalangan.  
(3 markah)
- b) Terangkan lima (5) elemen dalam gabungan teori yang sering mencetuskan kemalangan.  
(10 markah)
- c) Kemalangan sememangnya tidak dinafikan banyak memberi kesan negatif dan kerugian kepada mangsa dan organisasi. Namun setiap kemalangan yang berlaku haruslah disiasat dan dilaporkan selari dengan kehendak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia bagi tujuan rekod, pemantauan dan sebagainya. Huraikan dengan jelas faktor keperluan dan kesan keuntungan siasatan dan pelaporan kemalangan kepada mangsa dan organisasi.  
(12 markah)

- SOALAN TAMAT -